

✓

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JKP 316 – Pembangunan Politik Malaysia

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Bahagian A wajib dijawab. Pilih DUA soalan dari Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

BAHAGIAN A

1. Yang manakah lebih penting dan patut didahulukan: pembinaan sebuah negara (*state*) atau pembinaan sebuah bangsa (*nation*)? Ilustrasikan jawapan anda dengan hujah dan bukti daripada sejarah pembangunan politik Malaysia.

(100 markah)

BAHAGIAN B

2. “Sistem demokrasi boleh berjalan dengan baik hanya jika batasan dan kelemahan demokrasi itu dapat difahami serta diterima. Demokrasi perlu terus ditegak dan diamalkan kerana ia satu-satunya sistem yang mampu mewujudkan sebuah kerajaan yang baik dan kehidupan sejahtera. Bagaimanapun, kesejahteraan rakyat tidak boleh dikorbankan hanya untuk mempertahankan demokrasi.” (sedutan ucapan Dr. Mahathir Mohamad kepada ahli Parlimen Timor Leste di Dili, *Berita Harian*, 24 Oktober 2003).

Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan maksud dan ciri-ciri demokrasi sebagaimana yang diamalkan di Malaysia sepanjang pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad.

(100 markah)

3. “Melayu, UMNO dan Islam di negara ini tidak dapat dipisahkan.” (ucapan dasar Abdullah Ahmad Badawi di Perhimpunan Agung UMNO ke-55, *Utusan Malaysia*, 24 September 2004).

Bincangkan pernyataan di atas. Kaitkan diskusi anda dengan polisi dan penekanan yang diberi oleh Abdullah Ahmad Badawi sejak menjadi Perdana Menteri Malaysia.

(100 markah)

4. Bincangkan impak positif dan negatif yang tercetus daripada fenomena kebangkitan Islam di Malaysia.

(100 markah)

5. Huraikan secara ringkas dan padat tentang pengaruh tiga (3) perkara berikut terhadap keputusan pilihanraya umum Malaysia ke-11:

- (i) Gagasan Islam Hadhari.
- (ii) Kematian Fadzil Noor (Presiden Parti Islam SeMalaysia: PAS) pada 23 Jun 2002.
- (iii) Kembalinya Parti Bersatu Sabah (PBS) ke pangkuhan Barisan Nasional.
- (iv) Keluarnya Democratic Action Party (DAP) daripada Barisan Alternatif.
- (v) Serangan pengganas ke atas Pusat Dagangan Dunia di New York pada 11 September 2001.
- (vi) Perisytiharan Dokumen Negara Islam oleh PAS pada 12 November 2003.

(100 markah)